

PROSIDUR PERMOHONAN KELULUSAN PENGAJIAN SECARA SAMBILAN ATAU SEPARUH MASA

Garis Panduan Pelaksanaan:

- i. Kursus yang diikuti adalah di peringkat Diploma, Ijazah Pertama, Diploma Lanjutan, Sarjana dan Ijazah Kedoktoran (PhD).
- ii. Kursus yang diikuti adalah kursus yang telah diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
- iii. Staf perlu mengemukakan permohonan dengan menyertakan surat tawaran pengajian dari universiti dan jadual kelas.
- iv. Staf perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Pengerusi Panel Pembangunan Sumber Manusia / Ketua Jabatan sebelum memulakan pengajian setelah mengambil kira peraturan-peraturan yang terpakai dalam Pekeliling Pendaftar Bil. 34 tahun 2000, yang menggariskan peraturan seperti berikut:
 - a) Staf hendaklah mendapat kebenaran daripada pihak pengurusan untuk mengikuti pengajian secara sambilan dan melaporkan kemajuan pengajian kepada Dekan Fakulti dan pihak pengurusan dari masa ke semasa.
 - b) Kursus atau pengajian yang diikuti mestilah tidak mengganggu tugas hakiki dan tugas-tugas rasmi lain yang diarahkan.
 - c) Kursus yang diikuti hendaklah di luar waktu pejabat.
 - d) Tidak ada sebarang pengurangan beban tugas atau jam bekerja bagi staf yang terlibat kecuali bagi tujuan mengambil peperiksaan sahaja.
 - e) Segala perbelanjaan yang berkaitan dengan pengajian adalah tanggungan sendiri kecuali yang dipersetujui oleh pihak pengurusan.
 - f) Staf sentiasa tertakluk kepada peraturan-peraturan perkhidmatan dan tata tertib termasuk arahan pertukaran ke mana-mana kampus cawangan.
 - g) Bagi staf akademik, bidang pengajian mestilah yang berkaitan dengan bidang pengkhususan pengajaran. Sekiranya berlainan, mestilah mendapat kelulusan Dekan Fakulti.
- v. Satu (1) salinan surat kebenaran hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Kemajuan Kerjaya.
- vi. BKK akan melakukan pemantauan pelaksanaan kelulusan pengajian sambilan yang diturunkuasa kepada PPSM PTJ setiap enam (6) bulan sekali.

Rujukan : Pekeliling Pendaftar Bil 13 Tahun 2012 mengenai Kelulusan Pengajian Secara Sambilan atau Separuh Masa.

Prosidur Permohonan Kelulusan Pengajian Secara Sambilan atau Separuh Masa:

1. Pemohon mengemukakan permohonan kepada Ketua Pusat Pengajian berserta dokumen berikut:
 - Borang Permohonan Untuk Melanjutkan Pengajian Secara Sambilan atau Separuh Masa
 - Surat Tawaran pengajian dari universiti dan jadual kelas
 - Kertas Cadangan Penyelidikan (pengajian secara penyelidikan)
2. Setelah mendapat ulasan penyelia, pemohon mengemukakan kepada Pejabat Pentadbiran untuk dibentangkan dalam mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia PTJ untuk keputusan.
3. Permohonan pemohon dibentangkan dalam mesyuarat PPSM PTJ dan tertakluk kepada syarat dan dasar yang terpakai.
4. Surat keputusan PPSM PTJ dikeluarkan kepada pemohon dan salinan kepada Bahagian Kemajuan Kerjaya untuk rujukan (termasuk syarat dalam Pekeliling Pendaftar Bil 13 Tahun 2012)
5. Permohonan lengkap hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Pentadbiran, UiTM Kampus Kuala Pilah selewat-lewatnya dua bulan sebelum tarikh mula pengajian berkenaan. Permohonan yang tidak lengkap dan diterima tidak mengikut tempoh yang ditetapkan tidak akan diproses.

Diluluskan semak semula prosidur dan borang permohonan melalui Mesyuarat PPSM UiTM Negeri Sembilan ke 47, pada 27 Februari 2019. Berkuatkuasa mulai 27 Februari 2019.

**BORANG PERMOHONAN UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN SECARA SAMBILAN
BAGI STAF**

1. Nama :
 2. No. Pekerja (Staf) : Gred & Jawatan:
 3. Fakulti / Kampus / Jabatan :
 4. Peringkat Pengajian : Ph.D Sarjana Sarjana Muda Diploma
 5. Bidang / Program :
 6. Universiti Pengajian :
 7. Mod Pengajian : Penyelidikan Sepenuhnya Kerja Kursus Sepenuhnya Campuran (Kerja Kursus dan Tesis) Lain-lain :
 8. Tarikh Mula Pengajian : Tarikh Dijangka Tamat :
 9. Tempoh Pengajian : bulan
 10. (i) Mata Pelajaran Utama Yang Dicadangkan (pengajian secara kerja kursus) :
 - a.
 - b.
 - c.
 - d.
 - e.
 - (ii) Tajuk Penyelidikan (pengajian secara penyelidikan) :
 11. Nama Calon Penyelia:
(Sila sertakan CV calon penyelia)
 12. Sila tandakan x mana yang berkaitan mengenai cadangan penyelidikan :

Belum disemak oleh penyelia Telah dipersetujui oleh calon penyelia tanpa pindaan Telah dipersetujui oleh calon penyelia dengan pindaan
- Saya mengaku bahawa segala keterangan di atas adalah benar dan betul.
- Tarikh: Tandatangan calon:

Untuk diisi oleh Ketua Pusat Pengajian / Ketua Jabatan

Ulasan :

- i. Kesesuaian tajuk dengan bidang
.....
.....
- ii. Bidang pengajian mestilah yang berkaitan dengan bidang pengkhususan pengajaran : Ya Tidak
- iii. Tempat pengajian hendaklah di universiti awam yang lebih tinggi atau setaraf UiTM: Ya Tidak

Tarikh: Disahkan oleh :

(Tandatangan & Cop Rasmi)

Untuk kegunaan Pejabat Pentadbiran, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan

Diterima pada :

Tandatangan:

Kelulusan PPSM :